

Bil. S 8

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2002) (BIL. 2), 2003

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 22 haribulan April, 2002 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila satu Pemasyhuran telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan di sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu, dua ratus lima puluh tiga juta, tujuh ratus lapan puluh ribu dan tiga ratus tujuh puluh enam ringgit (\$4,253,780,376.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2002), 2001;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua belas juta, satu ratus lapan belas ribu, lima ratus lapan puluh tujuh ringgit dan sepuluh sen (\$12,118,587.10) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2002) (Bil. 1), 2002;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga puluh lapan juta, enam ratus enam belas ribu, tiga ratus enam puluh tiga ringgit dan lapan sen (\$38,616,363.08);

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraian-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2002) (Bil. 2), 2003.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2002, memperuntukkan dan penggantian jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dari tiga puluh lapan juta, enam ratus enam belas ribu, tiga ratus enam puluh tiga ringgit dan lapan sen (\$38,616,363.08) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan pelbagai perkhidmatan yang ditentukan dalam Jadual untuk tahun 2002 yang tidak diperuntukkan atau tidak sepenuhnya diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2002), 2001 dan Perintah Perbekalan (2002) (Bil. 1), 2002 adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan yang diadakan di bawah ceraihan (1) bab 10 dari Perintah Perlembagaan (Peraturan Kewangan), 1959 adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

[1]	[2]	[3]	[4]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk	Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Gagasan
		\$	\$
	JABATAN PERDANA MENTERI		
S.G3	Pencetak Kerajaan	\$499,099.81	\$499,099.81
S.A22	Jabatan Kehakiman Negara	\$217,890.00	\$217,890.00
	KEMENTERIAN PERTAHANAN		
S.B2	Angkatan Bersenjata Diraja Brunei	\$5,000,000.00	\$5,000,000.00
	KEMENTERIAN KEWANGAN		
S.D52	Perkhidmatan Rampaian	\$814,313.50	\$814,313.50

JADUAL – (Sambungan)

[1]	[2]	[3]	[4]
Tajuk	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk	Penggantian Pendahuluan Dari Kumpulanwang Gagasan
		\$	\$
S.D53	Perkhidmatan Rampaian HMSF	\$3,761,083.00	\$3,761,083.00
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN		
S.K5	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$8,000,000.00	\$8,000,000.00
	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN		
S.L1	Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	\$3,898,290.00	\$3,898,290.00
S.L3	Jabatan Belia dan Sukan	\$138,644.22	\$138,644.22
	KEMENTERIAN KESIHATAN		
S.M2	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	\$12,675,585.00	\$12,675,585.00
S.M3	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	\$200,000.00	\$200,000.00
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN		
S.N7	Jabatan Telekom	\$3,411,457.55	\$3,411,457.55
		<u>\$38,616,363.08</u>	<u>\$38,616,363.08</u>

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Zulhijjah, 1423 Hijrah bersamaan dengan 22 haribulan Februari, 2003 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM